

CNS9597

U PB 28-07 00149 BA370

aab

Mahathir - Pusat

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau telah meminta MCA mengemukakan rancangan parti itu untuk mewujudkan Pusat Kebudayaan Cina untuk dipertimbangkan oleh parti-parti komponen Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri berkata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik bersetuju untuk mengemukakan rancangan itu kepada beliau untuk dipertimbangkan bersama-sama +rakan-rakan saya yang lain+.

Perkara itu akan diberi pertimbangan mengikut kesesuaian masyarakat majmuk di negara ini, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA di Wisma MCA di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN, enggan memberi jawapan jelas apabila ditanya sama ada secara prinsip kerajaan bersetuju dengan cadangan itu, tetapi berkata:

+Prinsip memang senang dikata. Kadang-kadang terima prinsip tidak terima butiran payah juga. Berilah peluang kepada parti komponen membincangkan perkara ini.+ -- Lagi

♥28/07/15-44MST

CNS9598

U PB 28-07 00086 BA371

aab

Mahathir - Pusat 2 Kuala Lumpur

Katanya, apa jua masalah dalam BN harus dibincangkan secara tertutup bagi mengelakkan orang lain mengambil kesempatan daripadanya jika ianya dibincang secara umum.

Menurutnya, keadaan akan menjadi tegang apabila orang lain mengambil kesempatan daripada perkara itu dan seterusnya menyulitkan usaha untuk mencapai keputusan yang baik.

Sambil mengakui bahawa perkara itu merupakan suatu kontroversi, beliau berkata ia tidak seharusnya diputuskan mengikut sesuka hati tanpa mendapat persetujuan rakan-rakan dalam BN. -- Bernama

♥28/07/15-44MST